

Najib kesal pihak hina mutu sektor awam

ALOR STAR 27 Jan. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kesal dengan pihak-pihak tertentu yang menghina mutu perkhidmatan kakitangan awam.

Beliau berkata, tindakan sedemikian tidak wajar dilakukan kerana kualiti perkhidmatan awam negara ini kini semakin baik.

Menurutnya, kakitangan awam begitu penting dalam pentadbiran negara kerana mereka menterjemahkan dasar-dasar kerajaan dan menyampaikannya kepada rakyat.

Menurutnya, kerajaan sentiasa menjaga hubungan baik dengan penjawat awam dan mencari jalan agar kebajikan 1.2 juta pegawai serta kakitangan awam diperbaiki manakala sistem penyampaian ditingkatkan.

"Ada pihak tertentu hina pegawai dan kakitangan kerajaan. Kita tidak setuju.

"Pegawai dan kakitangan awam adalah rakan kongsi pihak pentadbiran dalam membawa pembangunan, isi harapan dan inspirasi rakyat. Tidak mungkin kerajaan dapat memenuhi matlamat ini tanpa sokongan dan dokongan mereka (penjawat awam)," kata beliau.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Perjumpaan Dengan Pegawai dan Kakitangan

u.m
28/01/08 M/S 2
Kerajaan Negeri Kedah yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid di Sri Mentaloon di sini hari ini.

Najib yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor adalah dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke Kedah bermula hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkhidmatan awam adalah institusi penting yang menyumbang kepada kejayaan negara.

Beliau berkata, tanpa kerjasama penjawat awam, kemajuan negara tidak dapat dicapai.

Menurutnya, kerajaan berhasrat untuk memperkukuhkan lagi perkongsian dengan menambah baik perkhidmatan awam dan mempertingkatkan lagi kebajikan kakitangan awam.

Najib berkata, kerajaan juga telah menawarkan satu pakej ganjaran yang baik kepada kakitangan awam dengan kenaikan gaji yang terbesar dalam sejarah.

"Kita boleh lakukan (memberi pakej yang baik) kerana kita berpijak di bumi nyata, kita tidak janji kosong dan apabila kita berjanji, kita akan tunai janji untuk rakyat," kata beliau.

Najib memberitahu, pentadbiran kerajaan sekarang tidak akan menabur janji sekiranya ia tidak dapat ditunaikan, tidak sebagaimana parti pembangkang yang ma-

hu menjadikan Malaysia sebagai negara kebajikan.

"Pentadbiran kita (kerajaan) tidak akan berjanji jika kita tidak dapat melaksanakan sesuatu. Ada pihak tertentu pula asyik buat janji sedangkan janji itu mungkin tidak dapat dilaksanakan," kata beliau.

Beliau berkata, bagi menjaga kebajikan kakitangan awam, pada tahun lalu kerajaan meluluskan peruntukan untuk menjaga kebajikan pegawai dan kakitangan awam termasuk kenaikan gaji berjumlah RM6.8 bilion dan tambahan elaun COLA sebanyak RM1.2 bilion.

Membandingkan

Beliau meminta pegawai dan kakitangan awam supaya tidak membandingkan apa yang mereka peroleh itu dengan gaji pekerja sektor swasta.

Menurut Najib, ada pakej tertentu dalam perkhidmatan awam yang lebih baik daripada swasta seperti gaji, pencen dan rawatan hospital.

"Saya pernah bertanya seorang anggota tentera berpangkat koperal berapa gajinya dan berapa lama lagi dia dalam perkhidmatan? Dia memberitahu saya bahawa gajinya ialah RM2,650 sebulan dan masih

mempunyai perkhidmatan selama tiga tahun lagi.

"Anggota tentera berpangkat koperal ini juga memberitahu bahawa gajinya boleh naik sehingga RM3,000 sebulan sebelum pencen," ujar beliau.

Najib berkata, kenaikan gaji baru itu telah menyebabkan ramai kakitangan awam tidak mahu berpindah menyertai syarikat swasta.

Beliau mengumpamakan kakitangan awam dan kerajaan sebagai sebuah kapal dan jika kapal itu dikemudi dengan baik dengan air yang tenang, ia akan sampai ke tempat yang dikehendaki untuk kebaikan bersama.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan memang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara kebajikan dengan membantu rakyat, misalnya dengan memberi subsidi minyak.

Menyentuh mengenai Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER), beliau berkata, kerajaan mempunyai wang untuk melaksanakan pembangunan dan program NCER akan mengubah kehidupan rakyat di negeri ini.

Katanya, Kerajaan Pusat mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Negeri Kedah dan kedua-duanya saling membantu.